



Rujukan: UKM.PDF.100-1/3/1

Tarikh: 3 Februari 2025

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 1/2025

SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
(KAMPUS BANGI)

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN MENGENAI PENUTUPAN SEPENUHNYA BEKALAN ELEKTRIK DI KAMPUS UKM BANGI PADA 22 FEBRUARI 2025 HINGGA 25 FEBRUARI 2025 BAGI KERJA PENYELENGGARAAN JABATAN PEMBANGUNAN PRASARANA UKM

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 1/2025 bertarikh 15 Januari 2025 dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Utiliti Bil. 1/2025 pada 17 Januari 2025 telah meluluskan penutupan sepenuhnya bekalan elektrik di Kampus UKM Bangi pada **22 Februari 2025 hingga 25 Februari 2025**.

3. Keputusan penutupan berikut diambil setelah mengambil kira pelbagai faktor keselamatan dan aspek teknikal berikut:

- a. Kerja penggantian baru perkakasan suis voltan tinggi 33kV di PMU 33kV/11kV UKM, Bangi akan dilaksanakan pada **22 Februari 2025 hingga 25 Februari 2025 mulai jam 8.00 pagi (Sabtu) hingga 8.00 malam (Selasa)**;
- b. Keperluan bekalan elektrik bagi makmal-makmal penyelidikan, keselamatan harta benda dan warga kampus sewaktu dalam tempoh ini adalah menjadi keutamaan;
- c. Pelaksanaan penggantian baru perkakasan suis voltan tinggi 33kV di PMU 33kV/11kV UKM tersebut akan memberikan kesan besar atas kelangsungan bekalan elektrik di UKM Kampus Bangi pada masa-masa akan datang terutamanya mengurangkan risiko kerosakan perkakas voltan tinggi yang lebih besar, terputus bekalan elektrik yang sangat lama secara mengejut, kerosakan peralatan makmal yang bernilai jutaan ringgit, bahan sampel uji kaji yang berimpak tinggi dan lain-lain seumpamanya dapat dikurangkan; dan

...2/-



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

- d. Kerja-kerja pemasangan ini akan dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Akta Bekalan Elektrik 1990/ Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 dan Prosedur Kerja Selamat, Suruhanjaya Tenaga Malaysia.

4. Bekalan elektrik ke seluruh Kampus UKM Bangi dihenti tugas (*shut down*) sepenuhnya **bermula 22 Februari 2025 (Sabtu) jam 8.00 pagi dan dijangkakan berakhir 25 Februari 2025 (Selasa), jam 8.00 malam.** Terdapat bangunan dan Pusat Tanggungjawab (PTj) yang akan **terus menerima bekalan elektrik sokongan** dalam tempoh yang dinyatakan seperti di **Lampiran A** yang terbahagi kepada semua bangunan dan PTj yang menerima bekalan elektrik melalui sokongan set janakuasa tunggu sedia terutamanya makmal-makmal penyelidikan penting dan pengoperasian instrumentasi bernilai/ berimpak tinggi sahaja.

5. Sepanjang tempoh ini, semua staf Kampus Bangi **diarahkan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR).** Staf wajib log masuk dan log keluar melalui aplikasi MyUKM. Hanya staf yang mendapat kebenaran untuk hadir dibenarkan berada di kampus dalam tempoh ini. Setiap PTj hendaklah memastikan langkah-langkah kawalan keselamatan diambil untuk melindungi aset di jabatan masing-masing.

6. Untuk makluman, arahan BDR ini adalah **tidak melibatkan staf di Hospital Pengajar dan Kampus Kuala Lumpur (Jalan Raja Muda).**

7. Oleh yang demikian, sebarang pertanyaan lanjut, YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/Puan boleh menghubungi:

BIL.	NAMA & JAWATAN	NO. TELEFON / E-MEL	URUSAN
1.	Encik Mohamad Shahril Hussain Ketua Unit Elektrik Jabatan Pembangunan Prasarana UKM	03-8921 5078/ 5376/ 5959/ 013-398 3505 shahril@ukm.edu.my	Penutupan bekalan elektrik
2.	Encik Danny Hamidon Omar Penolong Pendaftar Kanan/ Ketua Pentadbiran Pusat Perumahan Pelajar	03-8921 6847/ 013-350 9215 dannynomar@ukm.edu.my	Penginapan pelajar
3.	Cik Najatulmuna Hamdan Ketua Bahagian Pentadbiran & Kemudahan Jabatan Pendaftar	03-8921 5075/ 019-272 5440 kbpk@ukm.edu.my	BDR
4.	Encik Muhammad Syakir Iskandar Muzakir Pegawai Keselamatan Bahagian Keselamatan Jabatan Pendaftar	03-8921 5072/ 011-232 58784 syakiriskandar@ukm.edu.my	Keselamatan Kampus

...3/-



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

8. Bersama-sama ini, dilampirkan infografik:
- a. Penutupan Sepenuhnya Bekalan Elektrik Di Kampus UKM Bangi Pada 22 Hingga 25 Februari 2025; dan
 - b. Nasihat Keselamatan Hari Penutupan UKM Pada 22 Hingga 25 Februari 2025.

Semoga pelaksanaan kerja-kerja bertaraf kritikal ini dipermudahkan dan dapat dilaksanakan dengan baik serta selamat demi kelangsungan bekalan elektrik yang berdaya harap di UKM Kampus Bangi pada masa-masa akan datang. Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sepanjang tempoh ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'ILMU, MUTU DAN BUDI'

Yang benar,



HAJI ZANUDIN MOHD DAUD

Pendaftar

Merangkap Ketua Jawatankuasa Kawalan Operasi Krisis UKM

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat)
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
 - Pengarah, Jabatan Pembangunan Prasarana UKM
 - Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Utiliti
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
 - Pengarah, Pusat Perumahan Pelajar
 - Pengurus Pembahagian Bekalan 33kV, Tenaga Nasional Berhad (TNB)

- 3 -



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

**SENARAI BANGUNAN/ PTJ YANG AKAN TERUS MENERIMA BEKALAN ELEKTRIK SOKONGAN
PADA 22 FEBRUARI 2025 HINGGA 25 FEBRUARI 2025
MENGUNAKAN SET JANAKUASA TUNGGU SEDIA**

Bil.	Bangunan / PTj
1	Fakulti
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Makmal Tambahan Loji Pandu
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Rumah Tumbuhan
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Rumah Haiwan
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Fizik
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Matematik / Geologi
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Makmal ABSL
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Dewan Anuwar Mahmud (DAM)
	Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina (FKAB) Bangunan Akademik - Makmal Jabatan Kejuruteraan Kimia & Proses
2	Institut
	INBIOSIS
	SELFUEL (Kompleks Penyelidikan)
	SERI (Kompleks Penyelidikan)
	IMEN (Kompleks Penyelidikan)
	IPI - Pusat ANGKASA (Kompleks Penyelidikan)
3	Pusat Perkhidmatan
	Pusat Teknologi Maklumat (PTM)
	Pusat Kesihatan Universiti
	Makmal Bioserasi
	Pusat Islam (Masjid UKM) - Mengikut waktu solat fardhu
	Pejabat Keselamatan, Wisma Aman
	Jabatan Pembangunan Prasarana UKM
	Dewan Gemilang (Untuk Peperiksaan 22 & 23 Februari 2025 sahaja)
4	Kolej Kediaman
	Kolej Pendeta Za'ba (KPZ)
	Kolej Ibu Zain (KIZ)

* *Danau Golf UKM, Kolam Renang, Kompleks Alumni UKM dan Perumahan Kakitangan Bukit Puteri adalah tidak terlibat gangguan bekalan dan masih menerima bekalan elektrik daripada sumber TNB yang berlainan*

* *Tiada operasi hawadingin sepusat dari Loji District Cooling System (DCS) Lingkungan 1 dan Lingkungan 2 yang akan ditutup bekalan elektrik sepenuhnya. Semua bangunan disenaraikan di atas tidak akan menerima hawa dingin sepusat ini kecuali bangunan yang menggunakan sistem hawa dingin berasingan (split unit).*



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my